



LAPORAN muka depan *Utusan Malaysia* mengenai pemergian Datin Seri Endon Mahmood ke rahmatullah semalam bertajuk *Rakyat bersedih* mendapat perhatian orang ramai. — Gambar Bernama

White House utus takziah kepada PM

WASHINGTON 21 Okt. - White House menyatakan rasa sedih dengan kematian Datin Seri Endon Mahmood, seorang "wanita mengagumkan."

White House menyatakan "rasa simpati kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan keluarganya dan kepada rakyat Malaysia atas kehilangan seorang wanita menawan dan berinspirasi, kata pegawainya kepada *Bernama* di sini.

Endon, 64, meninggal dunia pada 7.50 pagi waktu Malaysia pada Khamis di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Kuala Lumpur selepas beberapa tahun bertarung dengan kanser payu dara.

Presiden George Bush menulis kepada Endon pada musim panas yang baru lepas untuk mengucapkan agar beliau sihat sejahtera, dan kemudiannya menerima surat balasan daripada Endon, menurut pegawai White House itu.

Pada Khamis malam, Duta Besar Malaysia, Tan Sri Ghazzali Sheikh Abdul Khalid dan isteri Puan Sri Faridah, menganjurkan majlis tahlil untuk isteri Perdana Menteri di kedutaan.

Majlis itu dihadiri para pegawai kedutaan, anggota keluarga mereka dan rakyat Malaysia di sini.

Pada Jumaat, Pemangku Penolong Setiausaha Bagi Asia Timur

dan Pasifik James Keith, akan melawat kedutaan untuk menandatangani buku takziah, kata pegawai Jabatan Negara.

Penolong Setiausaha bagi EAP, Christopher Hill pada masa ini tiada di Washington.

Di BANGKOK, Menteri Luar Thailand, Dr. Kantathi Suphamongkhon hari ini menandatangani buku takziah di atas kematian Endon di Kedutaan Malaysia di sini.

Kantathi diiringi isterinya Soparvan Suphamongkhon dan para pegawai kementerian.

Sedih

Beliau turut menyatakan rasa sedih di atas kematian Endon kepada Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Shaarani Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri Thailand, Surakiart Sathirathai mewakili kerajaan Thailand menghadiri upacara pengkebumian Endon di Putrajaya, Malaysia semalam.

Kedutaan Malaysia membuka buku ucapan takziah di pejabatnya di South Sathorn Road di sini pada hari ini dan Isnin.

Para Pesuruhjaya Tinggi dan Duta dari Brunei, Slovak, Cuba, Laos dan Republik Czech Republic turut menandatangani buku takziah itu hari ini.

Di JAKARTA, masyarakat Malaysia di Indonesia, khususnya di

Jakarta yang turut berdukacita di atas kepulangan ke rahmatullah Endon, mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan keluarga.

Sebahagian mereka turut menandatangani buku ucapan takziah yang dibuka di Kedutaan Besar Malaysia di Kuningan di sini.

Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Zainal Abidin Mahamad Zain memberitahu *Bernama* pada Jumaat bahawa kedutaan telah membuka buku ucapan takziah itu dari pukul 11 pagi hingga 3 petang semalam dan hari ini.

"Kita di sini juga turut merasa sangat berdukacita, bukan saja di kalangan rakyat Malaysia tetapi juga di kalangan para pemimpin tempatan dan perwakilan asing yang ramai menemui saya untuk mengucapkan takziah," katanya.

Antara duta dan perwakilan asing yang menandatangani buku ucapan takziah itu ialah dari Amerika Syarikat, Tunisia, Sri Lanka, Afrika Selatan, Nigeria, Poland, Iraq, Russia, Bangladesh, Bosnia, Filipina, Myanmar dan Palestin.

Turut merakamkan ucapan takziah ialah Komisi I Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia, Organisasi Antara Parlimen ASEAN (AIPO) dan pimpinan serta kakitangan penerbitan Tempo. — Bernama